

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 16.06.2023 MASA: 4.40pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUPAN PERTANDINGAN SNUKER
PIALA DATUK BANDAR MBSP 2023**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**23 JUN 2023 (JUMAAT)
7.55 MALAM**

**CORNER POCKET SNOOKER CENTRE,
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang BerusahaTuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan Sr Mat Nasir bin Hassan
Naib Pengerusi PESUKA

Barisan Ahli Jawatankuasa PESUKA

Pegawai-Pegawai Teknikal

Para Pengadil

Para Peserta atau Pemain Snuker

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh

Selamat Malam dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada malam ini dalam Majlis Penutupan Pertandingan Snuker Piala Datuk Bandar MBSP 2023 di *Corner Pocket Snooker Centre*, Bukit Mertajam anjuran Persatuan Kebajikan Sukan & Sosial Majlis Bandaraya Seberang Perai (PESUKA) dan Persatuan Billiard & Snuker Pulau Pinang.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengajur kerana sudi menjemput saya untuk memberikan ucapan penutup dan menyampaikan hadiah kepada pemenang. MBSP merupakan PBT pertama yang menganjurkan pertandingan snooker ini.
3. Saya juga merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Tuan Sr Mat Nasir bin Hassan selaku Naib Pengurus PESUKA dan kesemua barisan Ahli Jawatankuasa PESUKA, Pegawai-Pegawai Teknikal dan

Pengadil, seterusnya pemain-pemain snuker yang telah beraksi dalam pertandingan snuker ini dan para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

4. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Tan Cheong Heng, Presiden Persatuan Billiard & Snuker Pulau Pinang yang telah menaja pertandingan snuker ini, serta Ahli-Ahli Majlis dan semua pihak yang telah menyumbangkan peruntukan untuk menjayakan pertandingan ini.
5. Saya amat menghargai penglibatan tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan pertandingan yang diadakan ini. Sesungguhnya saya berasa amat gembira dapat bersama-sama dengan anda semua dalam majlis ini. Dengan rasa bangga dan semangatnya, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas atas kejayaan penganjuran Pertandingan Snuker Piala Datuk Bandar MBSP 2023 di bawah PESUKA dan Persatuan Billiard & Snuker Pulau Pinang serta memastikan pertandingan ini berjalan dengan lancar. Ini menunjukkan semangat kerjasama, berganding bahu dan muhibbah di kalangan Jawatankuasa Penganjur juga bersama pemain-pemain semua.

6. Pertandingan Snuker Piala Datuk Bandar MBSP 2023 ini dianjurkan oleh PESUKA dan Persatuan Billiard & Snuker Pulau Pinang sebagai satu usaha untuk mewujudkan semangat kesukanan bersatu padu, bertoleransi, sikap menerima kekalahan serta meraikan kemenangan di kalangan kakitangan. Selain itu ianya adalah untuk mencungkil bakat dalam membentuk pasukan yang lebih kompetitif dan berdaya saing. Pertandingan seumpama ini menyediakan ruang untuk riadah dan rekreasi agar kesihatan kakitangan terjaga.
7. Program pertandingan snuker ini selari dengan Penang 2030 di bawah tema A iaitu "*Increase liveability to enhance quality of life*" dan mengikut inisiatif strategi A4 iaitu "*Diversify recreation, sports, arts and culture facilities*". Bersukan melalui aktiviti seperti snuker, badminton, hoki, bola sepak, berbasikal dan lain-lain lagi adalah aktiviti-aktiviti sosial yang telah dan akan diketengahkan oleh MBSP. Selain bersantai, bersukan mengeluarkan peluh adalah satu aktiviti menyihatkan badan yang perlu dilaksanakan oleh MBSP dalam membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja MBSP dan masyarakat umum.
8. Acara-acara sukan seperti ini sesungguhnya merupakan antara medium yang boleh menyatukan antara jabatan-jabatan dalam agensi

kerajaan dan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa. Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang kreatif. Badan yang sihat juga akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas. Gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti yang terbaik dalam diri kita, sakaligus memberikan idea atau sumbangan yang kreatif dan produktif kepada organisasi.

9. Pertandingan Snuker Piala Datuk Bandar MBSP 2023 ini diperkenalkan dengan penyertaan yang terbuka kepada warga kerja MBSP, Ahli Majlis MBSP dan juga wakil-wakil dari pelbagai agensi jemputan. Pertandingan tahunan ini kali pertama diadakan pada tahun 2016, tetapi tidak dijalankan pada tahun 2020 dan 2021 akibat penularan penyakit Covid-19. Tahun ini, pertandingan snuker ini memperlihatkan penglibatan yang memberangsangkan dengan penyertaan seramai 54 warga kerja MBSP dan 33 orang dari pelbagai agensi yang dijemput. Hadiah kemenangan adalah berupa wang tunai dan piala pusingan:-
 - a. Johan : RM2,000.00 + Piala Pusingan
 - b. Naib Johan : RM1,000.00
 - c. Tempat Ketiga : RM500.00

- d. Tempat Keempat : RM250.00
- e. Tempat Ke 5 – 16 : RM100.00 / pemain
- f. *Highest Break* : RM200.00
- (50 point ke atas dalam setiap satu game)
10. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada semua pemain yang bertanding. Tahniah pada pemain yang berjaya dalam pertandingan ini, dan pada yang tidak berjaya, janganlah berputus asa,kekalkan semangat dan cuba lagi pada masa akan datang. Yang penting adalah pengalaman dan kesedaran yang diperolehi yang amat bermakna bagi setiap pemain. MBSP dan PESUKA akan memperbanyakkan lagi sukan-sukan seperti ini.
11. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua terutama barisan Ahli Jawatankuasa Penganjur daripada PESUKA dan Persatuan Billiard & Snuker Pulau Pinang, penaja program, penyumbang-penyumbang dan semua yang terlibat di atas kejayaan penganjuran Pertandingan Snuker Piala Datuk Bandar MBSP 2023.

Bagi pemain-pemain yang terlibat, terima kasih kerana memeriahkan program dengan menyertai pertandingan ini.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***